



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 31 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PENUBUHAN LEMBAGA RUMINAN SELARI HALA TUJU MAFI, BERITA RTM -ONLINE PENUBUHAN LEMBAGA RUMINAN BANTU TINGKAT PENGELAURAN MAKANAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	FAMA JAMIN BANTU SEMUA PERINGKAT RANTAIAN PERNIAGAAN, PENGGUNA, UM -ONLINE FAMA AGIH MAFI PRIHATIN KEPADA 300 PETUGAS PPV WTCKL, UM -ONLINE PKPD: FAMA PERAK DAPATKAN PELEPASAN KHAS BAWA KELUAR DURIAN, SH -ONLINE FAMA JAMIN BANTU SEMUA PERINGKAT RANTAIAN PERNIAGAAN, PENGGUNA, UM -ONLINE FAMA CARI JALAN JUAL DURIAN KE SELANGOR, KOSMO -ONLINE CARI JALAN HANTAR DURIAN KE SELANGOR, SH -ONLINE FAMA CARI JALAN PASAR DURIAN PERAK, UM -ONLINE WTCKL HARGAI SUMBANGAN BUAH-BUAHAN FAMA KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	KELULUT BEE FARM OWNER DOING ROARING BUSINESS, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2021	BERITA RTM	ONLINE	

Penubuhan Lembaga Ruminan selari hala tuju MAFI



SEPANG, 31 Julai - Penubuhan Lembaga Ruminan adalah inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ruminan.

Timbalan Menteri, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penubuhan telah dicadangkan dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Makanan Negara sebelum

ini.

Penubuhan lembaga itu juga selari dengan hala tuju MAFI menerusi Dasar Agro Makanan Negara 2.0.

Beliau berkata demikian dalam lawatan ke ladang lembu dan kambing di Desa Vista, Sepang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Penubuhan Lembaga Ruminan bantu tingkat pengeluaran makanan



Che Abdullah meninjau ternakan yang terdapat di ladang milik Mohd Subhi ketika lawatan kerja, pada Jumaat.

SEPANG - Penubuhan Lembaga Ruminan yang dijangka bermula secara berfasa pada tahun hadapan merupakan satu usaha dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ruminan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penubuhan lembaga berkenaan telah dicadangkan dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Makanan Negara sebelum ini.



CHE ABDULLAH

Beliau berkata, penubuhan lembaga ini juga selari dengan hala tuju MAFI menerusi Dasar Agro Makanan Negara 2.0.

"Ini merupakan usaha bagi memartabatkan industri dan meningkatkan pengeluaran hasil berasaskan ruminan di negara ini," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke ladang lembu dan kambing di Desa Vista, di sini pada Jumaat.

Menerusi lawatan berkenaan, Che Abdullah berkesempatan meninjau salah sebuah ladang dimiliki oleh seorang pengusaha, Mohd Subhi Mohd Masuru, 51 yang memiliki lebih 300 ekor lembu dan kambing secara keseluruhan.

Che Abdullah (kiri) menyerahkan sijil kepada Mohd Subhi selepas lawatan kerja berkenaan, pada Jumaat.



Dalam pada itu, Mohd Subhi berkata, sepanjang mengusahakan ternakan berkenaan, pihaknya berdepan beberapa cabaran namun berjaya diatasi hasil bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Ketiadaan kemudahan seperti bilik penyejukan dan rumah sembelihan turut memberi kesan kepada perusahaan ternakan ini, namun DVS sentiasa membantu dalam memberi perkhidmatan seperti suntikan vaksin dan pengambilan darah berjadual," katanya.

Tambah Mohd Subhi, pihaknya sememangnya mempunyai perancangan untuk meluaskan perusahaan perniagaan itu malah usaha ke arah itu sedang dilakukan ketika ini.



Lembu ternakan yang diusahakan oleh Mohd Subhi di ladang ternakan miliknya di Desa Vista.

"Perancangan jangka panjang memang ada namun ia bergantung kepada modal yang ada," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

FAMA jamin bantu semua peringkat rantaian perniagaan, pengguna



Pelbagai cara dilakukan oleh FAMA dalam membantu menangani masalah lambakan buah durian seperti membuka pusat pengumpulan, Pasar Tani dan menjual di platform e-dagang dengan kerjasama Shopee. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan membantu semua peringkat rantaian perniagaan dan pengguna terutama buah durian ketika penularan pandemik dan perintah Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP). Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bantuan tersebut meliputi kemudahan fasiliti, pemasaran dan produk pemprosesan. Katanya, FAMA mempunyai pusat pemprosesan buah-buahan termasuk durian mengikut Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP)...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

FAMA agih MAFI Prihatin kepada 300 petugas PPV WTCKL



Zainal Abidin Yang Razalli (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada Irmohizam Ibrahim (dua dari kanan) untuk diagihkan kepada 300 petugas barisan depan di PPV Mega Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) semalam.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada

300 petugas barisan depan di Pusat Pengambilan Vaksin (PPV) Mega Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) semalam. Penyerahan bantuan itu disampaikan oleh Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli kepada Pengarah Eksekutif Kumpulan WTCKL, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim. Zainal...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

PKPD: FAMA Perak dapatkan pelepasan khas bawa keluar durian



Pek durian percuma sempena program CSR FAMA yang diagihkan kepada orang ramai secara pandu lalu di Titi Bina Padang Lalang dekat sini pada Jumaat.

BAGAN SERAI - [DIKEMASKINI] Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak dalam permohonan untuk mendapatkan pelepasan khas bagi membawa keluar hasil durian dari lokaliti yang dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan masalah lambakan durian yang baru masuk ke lapisan kedua musim buah di negeri ini.

Menurutnya, dalam tempoh dua minggu ini, FAMA berdepan sedikit kesukaran untuk memasarkan hasil durian secara penuh kerana sebahagian besar lokasi pengeluaran durian seperti di Mukim Selama dikenakan PKPD dan tidak dibenarkan masuk oleh pihak berkuasa.

"Bekalan durian memang banyak di Perak tetapi sebab PKPD kita tak boleh bawa keluar hasil pekebun ini kerana kawasan mereka telah dikenakan sekatan. Ini menyebabkan pemasaran kita jadi tersekat dan berlaku lambakan durian di sana.

"Kita telah berhubung dengan pegawai daerah dan polis untuk proses mencari jalan mendapatkan pelepasan bagi memudahkan kita masuk, beli (daripada pekebun) dan bawa keluar bagi tujuan pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada penyerahan 350 pek durian percuma sempena program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA di Titi Bina Padang Lalang dekat sini pada Jumaat.

Penyerahan dilakukan Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Yahanis Yahya

31 JUL, 2021

FAMA jamin bantu semua peringkat rantaian perniagaan, pengguna

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA jamin bantu semua peringkat rantaian perniagaan, pengguna

Oleh MOHAMAD
HAFIZ YUSOFF BAKRI

PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Perselutuan (FAMA) memberi jaminan membantu semua peringkat rantaian perniagaan dan pengguna, terutama buah durian ketika penularan pandemik dan perintah Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Setia Pengarah (Diperasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bantuan tersebut meliputi kemudahan fasiliti, pemasaran dan prolekt pemrosesan.

Katanya, FAMA mempunyai pusat pemrosesan buah-buahan termasuk durian mengikut Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) untuk dijadikan sebagai produk sejuk beku bagi pasaran dalam serta luar negara.

"Kami membantu semua pihak sama ada pekebun pengumpul dan peruncit serta pengguna bagi memastikan harga durian terutama durian kampung tidak jatuh mendadak ekoran PKP."

"Basanya pihak kami membuat penjualan secara segar selain diproses dan dijadikan pes atau sejuk beku ini sekaligus dapat mengelakkan lambakan dan dalam masa sama membantu mereka yang terlibat menjaga pendapatan lebih baik.



FAMA sedia membantu semua peringkat rantaian durian yang kini menghadapi masalah lambakan bagi memastikan harga raja buah itu tidak jatuh mendadak.

"Selain itu, dengan cara sebegini, kita dapat pelbagaikan produk dan mengekalkan harga sama ada di peringkat pekebun, pengumpul dan pengguna," katanya ketika ditemu-utusan Malaysia di sini semalam.

Sehingga kini terdapat 16 unit kilang pemrosesan buah durian frozen whole fruit di Malaysia yang telah diktrif oleh negara China untuk tujuan eksport.

Pada masa sama, terdapat

33 buah kilang yang mendapat kebenaran dan negara China untuk memproses durian pulp dan durian pes untuk di hantar ke China.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, pihaknya menggunakan pelbagai medium dan saluran bagi memastikan pasaran produk diperluas dari semasa ke semasa.

"Kami ada pusat operasi dan pengumpulan buah-buahan bagi pekebun yang ingin jual

hasil, mereka boleh datang ke pusat berkenaan. Begitu juga kepada pengumpul yang boleh menggunakan kemudahan yang kami ada seperti khemah.

"Malah, di pusat pengumpulan pun ada lori yang datang mengangkut buah-buahan berkenaan. Selain itu kami ada pusat perniagaan terbuka seperti di pasar tani," ujarnya.

Tambah Abdul Rashid, pihaknya juga menerokai pasaran dalam



ABDUL RASHID BAHRI

talian seiring dengan peningkatan teknologi pada masa kini.

"Terdapat 216 usahawan dalam platform di e-dagang yang kami sediakan. Berurusan dengan kami mudah tanpa melalui proses birokrasi. Kita mengamalkan pendekatan terbuka.

"FAMA juga bekerjasama dengan Shopee bagi melaksanakan program Durian E-Fiesta @eFAMAPlace. Apa yang penting kami tidak mahu dikawal oleh satu pihak sahaja dan mengelakkan berlaku monopoli dalam perniagaan," katanya.

Harga yang ditawarkan FAMA juga sangat kompetitif dan disifatkan mampu milik untuk semua pengguna pelbagai peringkat.



31 JUL, 2021

FAMA jamin bantu semua peringkat rantaian perniagaan, pengguna

[Utusan Malaysia, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

Hafiz.yusoff@mediamulia.com.my PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan membantu semua peringkat rantaian perniagaan dan pengguna terutama buah durian ketika penularan pandemik dan perintah Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP). Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bantuan tersebut meliputi kemudahan fasiliti, pemasaran dan produk pemprosesan. Katanya, FAMA mempunyai pusat pemprosesan buah-buahan termasuk durian mengikut Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) untuk dijadikan sebagai produk sejuk beku bagi pasaran dalam serta luar negara.

31 JUL, 2021

FAMA cari jalan jual durian ke Selangor

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



NOORSHAM (klrl) mengedarkan pek durian secara pandu lalu kepada penduduk di Titi Bena Padang Lalang, Bagan Serai semalam.

Pekebun dakwa bakal kerugian ribuan ringgit

FAMA cari jalan jual durian ke Selangor

Oleh **WAT KAMAL ABAS**

BAGAN SERAI – Pekebun dan peraih durian di negeri ini akan menanggung kerugian ribuan ringgit sekiranya hasil buah-buahan tersebut tidak dapat dipasarkan disebabkan suasana pandemik ketika ini.

Ini kerana buah-buahan durian tersebut tidak boleh dibawa ke negeri-negeri pasaran utama kerana dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Justeru, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak berharap dapat diberikan pelepasan khas bagi membawa keluar dan masuk hasil durian untuk dipasarkan.

Pegarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah

itu perlu bagi mengelak berlakunya lambakan durian yang baru masuk fasa kedua musim buah di negeri itu.

Menurut beliau, FAMA berdepan sedikit kesukaran untuk memasarkan buah-buahan tersebut kerana sebahagian besar lokasi pasaran seperti di Selangor tidak dibenarkan masuk.

"Sekarang ini memang tengah musim banyak durian di Perak tetapi sebab PKPD pemasaran kita jadi tersekat dan terhad.

"Hasil durian boleh dibawa keluar dari sini tetapi bila hendak di bawa ke Selangor, kawasannya ditutup," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan 350 pek durian percuma sumbangan FAMA di Titi Bena Padang Lalang dekat sini semalam.

Berbanding negeri lain, hasil durian di Perak terutama di Batu Kurau, Tapah, Kuala Kangsar dan Kampung Gajah akan meningkat memandangkan musim buah itu hanya berakhir pada Oktober depan.

Mengulas lanjut kata Noorsham, pihaknya telah berhubung dengan pegawai daerah dan polis serta dalam proses untuk mencari jalan mendapatkan pelepasan khas itu.

"FAMA menggalakkan pengusaha durian untuk mempelbagai produk berasaskan durian contohnya tempoyak bagi mengurangkan impak lambakan.

"Kita juga kena cari alternatif lain seperti dijadikan tempoyak dan dibekukan apabila dapat pelepasan, FAMA boleh beli untuk dipasarkan," katanya.



31 JUL, 2021

FAMA cari jalan jual durian ke Selangor

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

NOORSHAM (kiri) mengedarkan pek durian secara pandu lalu kepada penduduk di Titi Bena Padang Lalang, Bagan Serai semaiam.

BAGAN SERAI - Pekebun dan peraih durian di negeri ini akan menanggung kerugian ribuan ringgit sekiranya hasil buahbuahan tersebut tidak dapat dipasarkan disebabkan suasana pandemik ketika ini. Ini kerana buah-buah durian tersebut tidak boleh dibawa ke negeri-negeri pasaran utama kerana dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

31 JUL, 2021

Cari jalan hantar durian ke Selangor



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Cari jalan hantar durian ke Selangor

FAMA Perak mohon dapatkan pelepasan khas pasarkan durian ke negeri dikenakan PKPD

Oleh NORMAWATI ADNAN

BAGAN SERAI

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak dalam permohonan untuk mendapatkan pelepasan khas bagi membawa keluar hasil durian dari lokaliti yang dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan masalah lambakan durian yang baru masuk ke lapisan kedua musim buah di negeri ini.

Menurutnya, dalam tempoh

dua minggu ini, FAMA berdepan sedikit kesukaran untuk memasarkan hasil durian secara penuh kerana sebahagian besar lokasi pasaran seperti Selangor tidak dibenarkan masuk.

"Sekarang musim durian di Perak tetapi sebab PKPD pemasaran kita jadi tersekat dan terhad.

"Hasil durian boleh dibawa keluar dari sini tetapi bila di sana, kawasannya tutup jadi sebab itu berlaku lambakan buah.

"Kita telah berhubung dengan pegawai daerah dan polis untuk proses mencari jalan mendapatkan pelepasan bagi memudahkan pergerakan pemasaran durian ke negeri-negeri yang dikenakan sekatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada penyerahan 350 pek durian secara percuma sempena program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA di Titi Bina Padang Balang dekat sini pada Jumaat.



Noorsham (kiri) bersama Razman (tiga, kiri) mengagihkan pek durian percuma sempena program CSR FAMA di Titi Bina Padang Latang pada Jumaat.

Hadir sama, Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP), Yahanis Yahya. Noorsham berkata, ber-

banding negeri lain, hasil durian di Perak terutama di kawasan pengeluar seperti Batu Kurau, Tapah, Kuala Kangsar dan Kampung Gajah akan meningkat kerana musim buah itu hanya berakhir pada Oktober depan.

Justeru katanya, FAMA

menggalakkan pengusaha durian mempelbagaikan produk berasaskan durian seperti tempoyak bagi mengurangkan impak lambakan.

"Kena cari alternatif lain seperti dijadikan tempoyak dan dibekukan.

"Apabila dapat pelepasan PKPD, FAMA boleh beli untuk dipasarkan," katanya.

Dalam perkembangan sama beliau berkata, sepanjang musim durian tahun ini, FAMA telah membeli lebih 30 tan hasil durian dari pekebun-pekebun yang berdepan masalah lambakan di seluruh negeri.

"Hasil durian yang dibeli itu dihantar ke pusat operasi dengan sebahagiannya diproses dan dibungkus bagi tujuan CSR," katanya.

Pada Khamis, media melaporkan kerajaan negeri melalui PPPNP memperuntukkan RM300,000 kepada FAMA bagi membantu menangani lambakan durian di negeri ini.



31 JUL, 2021

Cari jalan hantar durian ke Selangor

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FAMA Perak mohon dapatkan pelepasan khas pasarkan durian ke negeri dikenakan PKPD

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak dalam permohonan untuk mendapatkan pelepasan khas bagi membawa keluar hasil durian dari lokaliti yang dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan masalah lambakan durian yang baru masuk ke lapisan kedua musim buah di negeri ini.

31 JUL, 2021

FAMA cari jalan pasar durian Perak



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA cari jalan pasar durian Perak

BAGAN SERAI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mendapatkan pelepasan khas bagi memasarkan durian dari Perak ke negeri-negeri lain Selangor.

Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu bagi mengelak lambakan buah yang kini memasuki fasa kedua di negeri ini.

Menurut beliau, dalam tempoh dua minggu lalu, FAMA berdepan kesukaran untuk memasarkannya kerana lokasi pasaran antaranya Selangor tidak dibenarkan masuk ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sekarang memang tengah musim banyak durian di Perak tetapi disebabkan PKP, pemasaran durian di negeri ini tersekat dan terhad.

"Hasil durian boleh dibawa keluar dari sini tetapi bila hendak dibawa ke Selangor, ka-

wasannya tutup jadi sebab itu berlaku lambakan buah.

"Kita telah berhubung dengan pegawai daerah dan polis serta dalam proses untuk mencari jalan mendapatkan pelepasan khas bagi memudahkan pergerakan pemasaran durian dari negeri ini," kata beliau selepas penyerahan 350 pek durian percuma sempena program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA di Titi Bina Padang Lalang, dekat sini semalam.

Menurut Noorsham, berbanding negeri lain, pengeluaran durian di Perak terutama di Batu Kurau, Tapah, Kuala Kangsar dan Kampung Gajah akan meningkat sebelum berakhir Oktober ini.

Katanya, FAMA menggalakkan pekebun mempelbagai produk berasaskan durian contohnya tempoyak bagi mengurangkan lambakan.



PENIAGA durian di Teluk Intan, Abdul Manan Mat Isa menjual durian pada harga RM20 sebakul berikutan lambakan durian menyebabkan harganya jatuh. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN



31 JUL, 2021

FAMA cari jalan pasar durian Perak

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BAGAN SERAI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mendapatkan pelepasan khas bagi memasarkan durian dari Perak ke negeri-negeri lain Selangor. Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu bagi mengelak lambakan buah yang kini memasuki fasa kedua di negeri ini. Menurut beliau, dalam tempoh dua minggu lalu, FAMA berdepan kesukaran untuk memasarkannya kerana lokasi pasaran antaranya Selangor tidak dibenarkan masuk ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

WTCKL hargai sumbangan buah-buahan FAMA kepada petugas barisan hadapan



FAMA melalui inisiatif bantuan MAFI Prihatin memberikan sumbangan buah kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega WTCKL - Gambar FAMA

KUALA LUMPUR: World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) pada Khamis menerima sumbangan buah-buahan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui inisiatif bantuan MAFI Prihatin untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega

WTCKL.

Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata program tersebut bagi membantu golongan sasaran yang terkesan akibat pandemik COVID-19, selain menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan.

"Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razali atas kesudian mengunjungi Pusat Pemberian Vaksin Mega AstraZeneca di WTCKL.

"Pada masa yang sama, beliau sudah lengkap menerima suntikan vaksin AstraZeneca di sini.

"FAMA turut memberi sumbangan buah-buahan tempatan serta juadah minum petang kepada petugas dan sukarelawan di PPV Mega AstraZeneca WTCKL di bawah Program MAFI Prihatin," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.



Juadah minum petang turut diberikan kepada petugas dan sukarelawan di PPV Mega AstraZeneca WTCKL - Gambar FAMA

dan antarabangsa.

Mengulas lanjut, selaku Ahli Majlis Penasihat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Irmohizam berkata pihaknya turut berpeluang mengadakan perbincangan dan berkongsi pendapat dalam memastikan produk pertanian dan industri makanan negara dapat memacu pemasaran domestik

"Saya berharap agar sebuah kerjasama dapat dibentuk dan mengeratkan hubungan antara WTCKL, Persatuan Pusat Perdagangan Dunia (WTCA) dan FAMA dalam sektor pemasaran produk agromakanan, industri makanan dan asas tani," tambah beliau.

Headline	Kelulut bee farm owner doing roaring business		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	31 Jul 2021	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	6	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	294 cm ²
Journalist	Iskandar Dzulkifli	AdValue	RM 625
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,874



Kelulut bee farm owner doing roaring business

Iskandar Dzulkifli

KOTA KINABALU: The Covid-19 pandemic impacted many entrepreneurs, but not 53-year-old Kelulut honey bee farm owner, Salmah Singa.

Hailing from Telipok, Salmah's Kelulut honey product branded as "Nikmah" has remained unaffected throughout the pandemic as she still receives orders, supplying more than 60kg of natural honey to customers every month.

Salmah, who is a "Sahabat Amanah Ikhtia Malaysia (AIM)" member since 2002 managed to scale-up her business, earning a five-figure income every month as a result of implementing a strategic marketing system.

She said her secret to success is simple, which is to maintain the quality of Kelulut natural honey by meeting international standards, given the product's wide market and demand.

She added that proactive marketing in collaboration with sales agents is also a success factor, as it enabled the product to be marketed not only domestically but also internationally to several other countries.

"Quality is very important to us as meet the set international standard (MS 2683), hence our Kelulut honey products are able to penetrate overseas markets.

"Apart from the domestic market, our products have been marketed in Brunei Darussalam, the United Kingdom (UK), Australia, Dubai and several other countries to meet the needs of the food, health and beauty industries.

"Our company is also a regular supplier to other clients for the needs and production of their own brands," she said when met during a visit by Sabah AIM Regional Manager Jaihinin Siman at her factory.

Salmah admitted to being slightly affected by pandemic, but only pertaining to

small logistic matters, considering travel restrictions under the Movement Control Order (MCO).

Her company, "Nikmah Trigona Sdn Bhd", to date has nine Kelulut honey farms with a total area of about 25 hectares throughout Sabah.

"We have also produced nine downstream products based on Kelulut Nikmah honey to fulfil the needs of the beauty, health and food market.

"Among them are chocolate and Kelulut Nikmah honey soap which has various nutrients involving vitamins and minerals known as 'propolis' as the main agent for health and beauty care," she explained.

Salmah said the manufacturing operations of her Kelulut honey products are carried out in a small factory next to her residence with the help of her husband, her child and nine permanent employees.

On the specialty of her products, Salmah said her Kelulut Honey is consistent with a sweet taste, compared to others, as she utilises high-technology processes.

She explained that compared to the taste of Lebah honey, Kelulut honey naturally has a stronger sour note, yet it still tastes sweet without adding sugar.

Commenting further on her accomplishments, she said apart from AIM, the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) was also instrumental in her success.

"What is important is working hard and obtaining entrepreneurship knowledge. I am at this level right now, but not without going through a lot of difficulties.

"Thank you to all those who have supported and contributed to my success, especially AIM, Mardi and researchers from several higher education institutions (IPT) in the country," she said.